

Headline	Pastikan subsidi lebih mampan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Page No	13
ArticleSize	292 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 15,306		



PELARASAN TARIF ELEKTRIK

Pastikan subsidi lebih mampan

» *Sasar golongan berpendapatan rendah dapat lebih manfaat*

S: Mengapakah tarif elektrik perlu diselaras/dinaikkan?

J: Kerajaan tidak dapat meneruskan subsidi bahan api yang semakin meningkat. Negara perlu berganjak daripada memberikan subsidi menyeluruh kepada subsidi yang disasarkan sahaja. Menurut laporan 2011 Dana Matawang Antarabangsa (IMF), apabila negara berpendapatan rendah hingga sederhana mengamalkan subsidi menyeluruh, kira-kira 46 peratus daripada subsidi tenaga dinikmati oleh 20 peratus masyarakat berpendapatan tinggi dan hanya tujuh peratus sampai kepada penduduk berpendapatan rendah. Penyelarasan tarif elektrik adalah salah satu langkah untuk menstruktur semula subsidi ke suatu bentuk yang lebih menuju ke sasaran dan lebih mampan.

S: Kami memahami bahawa ada rizab yang besar dalam bekalan elektrik. Adakah kami perlu membayar lebih untuk kapasiti berlebihan ini?

J: Selepas mengambil kira gangguan berjadual dan tidak berjadual serta nyahkadaran (derating), rizab sekarang adalah antara lima dan 21 peratus. stabil. Memandangkan pertumbuhan ekonomi negara masih pada trajektori positif, kapasiti berlebihan diperlukan bagi memenuhi permintaan pengguna yang meningkat. Loji mengambil masa bertahun-tahun untuk dibina dan penimbal selesa diperlukan untuk mengekalkan daya harap bekalan tenaga, tanpa gangguan kepada pertumbuhan ekonomi masa hadapan. Menurut Pelan Pembangunan Tenaga Semenanjung Malaysia, rizab yang diramal bagi tempoh 10 tahun akan datang akan berkurangan dari-

pada 16.4 peratus pada 2023, walaupun loji baru dibina.

S: TNB meraih keuntungan setiap tahun, oleh itu tidakkah kadar tarif elektrik harus diturunkan bagi membantu rakyat Malaysia menangani kos sara hidup yang tinggi dan bukan menaikannya?

J: Benar, TNB meraih keuntungan. Ia membayar cukai dan prestasinya diukur mengikut tanda aras rakan tempatan dan global. Ia perlu memenuhi KPI. Keuntungan juga diperlukan untuk perbelanjaan modal bagi mengekalkan struktur modal efisien, dan untuk penambahbaikan prestasi rangkaian (transmisi dan pengagihan). Pulangan TNB pada modal dilabur (ROIC) adalah di bawah kos dan keuntungan yang diperoleh lebih rendah berbanding perbelanjaan modal. Dalam lain perkataan, jika keuntungan TNB tidak berkembang – selaras dengan hutang dan asetnya – TNB tidak dapat berkhidmat dengan berkesan kepada pelanggan masa hadapan.

S: Adakah GST akan dikenakan ke atas bil elektrik?

J: Menurut Bajet 2014, GST akan dikenakan ke atas semua pengguna berkuat kuasa April 2015.

Bagaimanapun, pengguna domestik yang menggunakan 1-200 kWh sebulan tidak akan dikenakan GST. Lagipun, mereka tidak akan terjejas kerana kenaikan tarif akan berkuat kuasa mula 1 Januari 2014.

S: Mengapa saya harus menyumbang kepada tabung Tenaga Boleh Baharu (TBB) atau RE?

J: Tenaga Boleh Baharu (TBB)

atau (RE) adalah agenda negara yang memerlukan penyertaan sepenuhnya daripada rakyat. Usaha membangunkan sektor TBB akan membantu kita mempelbagaikan campuran bahan api kita. Wang Tabung TBB akan diurus tadbir oleh Lembaga Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA) dan akan digunakan untuk membayar mereka yang terbabit dalam TBB yang menjana elektrik daripada sumber TBB melalui mekanisme Feed-in Tariff (FiT).

S: Ada dakwaan Pengeluar Tenaga Bebas (IPP) meraih keuntungan besar-besaran sambil menikmati subsidi gas. Adakah ini benar?

J: Tidak, perkara ini tidak benar kerana IPP tidak mendapat manfaat daripada sebarang subsidi. Pengguna elektrik menikmati faedah subsidi gas melalui subsidi tarif elektrik. Keuntungan IPP dan TNB tidak mempunyai kaitan langsung dengan harga gas, kerana ini adalah kos lalu (pass-through cost).

S: Pihak Pembangkang dan orang ramai sering bertanya mengapakah IPP dibenarkan membeli LNG dengan diskaun 80 peratus, tetapi rakyat masih terpaksa membeli petrol dengan kenaikan harga?

J: IPP tidak menikmati sebarang faedah daripada subsidi gas. Pengguna elektrik menikmati faedah harga terkawal gas yang ditetapkan oleh kerajaan yang jauh lebih rendah daripada harga pasaran. Bagi LNG pula, ia dibeli mengikut harga pasaran antarabangsa.

Sumber MyPower Corporation

📖 **Lagi laporan di B1, B2**